

06 SEP 1996

MAHATHIR UCAP SELAMAT JALAN KEPADA PRESIDEN MALAWI

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari menemui Presiden Malawi Dr Bakili Muluzi untuk mengucapkan selamat jalan kepada beliau yang akan mengakhiri lawatan tiga harinya ke Malaysia esok.

Dr Mahathir, yang diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menghabiskan 30 minit bersama dengan Dr Muluzi dan isterinya, Annie.

Dr Muluzi sebelum itu, telah melawat Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (MIDA).

Malam ini Presiden itu dan isterinya akan menghadiri satu jamuan malam yang diberi oleh Syarikat Telekom Malaysia Bhd. -- BERNAMA

MAM WAT